

Amaran dua hari sebelum banjir

PRABN bantu masyarakat, agensi berkepentingan siap sedia awal

AHMAD ISMADI ISMAIL

AMPANG

Penubuhan Pusat Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRABN) di Jabatan Pengairan dan Saliran mampu meningkatkan keupayaan ramalan dan amaran awal banjir.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, maklumat itu seterusnya dapat disampaikan kepada semua pihak berkepentingan seperti Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma), Polis Diraja

Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat serta orang awam.

"Objektif program ini adalah untuk memperkukuhkan sistem ramalan dan amaran banjir negara dengan meningkatkan tempoh masa amaran banjir sehingga dua hari lebih awal.

"Amaran banjir ini akan menyasarkan lebih 3.4 juta penduduk yang terkesan dengan banjir melalui pelaksanaan empat komponen utama iaitu pengesanan, ramalan, pangkalan data dan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT), amaran dan hebahan," katanya.

Menurutnya, komponen pengesanan meliputi aktiviti pengukuhan stesen cerapan data hidrologi iaitu hujan, aras air kadar air, sejatan dan kelembapan tanah.

"Manakala komponen ramalan mengandungi aktiviti pengukuhan data spatial seperti guna tanah, topografi, keratan rentas sungai, mak-



Wan Junaidi ketika merasmikan PRABN, semalam.

lumat air pasang dan model-model ramalan banjir.

"Komponen pangkalan data dan ICT pula melibatkan penempatan infrastruktur ICT dan Pusat Data Ramalan serta penggunaan teknologi keselamatan terkini dan kebolehppercayaan yang tinggi.

Bagi komponen amaran dan hebahan, ianya akan menggunakan platform media perhubungan terkini termasuk laman web, laman sosial, mobile apps, siren dan web kamera banjir," katanya.

Wan Junaidi berkata, berikutan kejadian banjir yang

berlaku di Kelantan, Terengganu dan Pahang pada penghujung Disember 2014 yang telah mengorbankan 25 nyawa dan mengakibatkan lebih 500,000 orang dipindahkan, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri telah meluluskan pelaksanaan

info

• PRABN akan dilaksanakan di 40

lembangan sungai utama seluruh negara dalam tiga fasa dengan kos RM550 juta

PRABN.

"PRABN akan dilaksanakan di 40 lembangan sungai utama seluruh negara dalam tiga fasa dengan anggaran kos RM550 juta. Fasa satu telah dilaksanakan pada tahun 2015 hingga tahun lalu di lembangan Sungai Pahang, Sungai Kelantan dan Sungai Terengganu.

"Manakala fasa dua akan dilaksanakan pada tahun ini hingga 2020 untuk 29 lembangan sungai dan fasa tiga dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2021 hingga 2022 untuk lapan lembangan sungai," katanya ketika merasmikan PRABN di sini, semalam.